

# UITM HARI INI DALAM SEJARAH

## 1 SEPTEMBER 1978

### PELANTIKAN PROF. TAN SRI DATO' DR AWANG HAD BIN SALLEH SEBAGAI PENGARAH KETIGA INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) (1 SEPTEMBER 1978 - 15 JULAI 1980)

Pada 1 September 1978 YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Awang Had Bin Salleh dilantik sebagai Pengarah Institut Teknologi MARA yang ketiga menggantikan YBhg. Dato' Haji Lokman Musa yang tamat tempoh pada 12 Ogos 1978. Pelantikan beliau berkuatkuasa pada 1 September 1978 hingga 15 Julai 1980.

Awang Had dilahirkan pada 24 Jun 1934 di Kampung Bagan Pulau Betong, Balik Pulau, Pulau Pinang. Pendidikan awal beliau di Sekolah Melayu Seberang Perak sehingga darjah IV dan Sekolah Melayu Sungai Korok Lama sehingga darjah VI di Alor Setar. Pada tahun 1949 Awang Had telah ditawarkan

bekerja sebagai Guru Pelatih di Sekolah Melayu Gunong Alor Setar. Beliau menyambung pelajaran selama tiga tahun di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim Perak (1951-1954). Selepas itu, Awang Had mengajar di Sekolah Melayu Derga Alor Setar, Kedah (1954-1956). Seterusnya, pada tahun 1957 beliau ditukarkan ke Sultan Abdul Hamid College sebagai Guru Bahasa Kebangsaan .

Semasa pentadbiran Awang Had di ITM, beberapa dasar dan polisi yang menekankan kepada perubahan dan kemajuan Institut Teknologi MARA telah dilaksanakan.



YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Awang Had Bin Salleh, Pengarah ITM ketiga.

#### Rujukan:

1. *Majlis Pelancaran Logo Sempena Perayaan 40 Tahun ITM (1956-1996)*. (1996). Petaling Jaya : Institut Teknologi MARA.
2. *Shaping a Dream: from Dewan Latehan RIDA to Universiti Teknologi MARA 1956-1999*. (2000). Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.

EDISI SEPTEMBER